



UNIVERSITI
MALAYA

GARIS PANDUAN PROGRAM KOMUNITI UNIVERSITI MALAYA (TIER 2)

PROGRAM CITRA AKADEMIK UNTUK KOMUNITI DAN ALAM (CAKnA)

Edisi pertama 2026

oleh Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares), Universiti Malaya

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa cara sekalipun, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal lain, tanpa kebenaran bertulis daripada pengarang dan penerbit, kecuali dalam hal petikan ringkas terkandung dalam ulasan kritikal dan penggunaan bukan komersial lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta. Untuk permintaan kebenaran, tulis kepada:

Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares)
Aras 1, Bangunan Canselori,Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA
umcares@um.edu.my

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1: PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang	1
BAHAGIAN 2: PROGRAM CITRA AKADEMIK UNTUK KOMUNITI DAN ALAM (CAKnA)	2
2.1 Pengenalan	2
2.2 Objektif Program	2
2.3 Skop Program	3
2.4 Kriteria Program	5
2.5 Jangkaan Hasil	7
2.6 Permohonan dan Penilaian	11
2.7 Pemantauan dan Pelaporan	11
BAHAGIAN 3: LAIN-LAIN	13
3.1 Pelanjutan Tempoh Program	13

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Malaysia meletakkan harapan yang tinggi terhadap institusi pengajian tinggi sebagai pemangkin perubahan sosial melalui pelaksanaan aktiviti dan projek komuniti yang berimpak. Universiti berperanan penting dalam membentuk modal insan yang holistik, bukan sahaja melalui kecemerlangan akademik, tetapi juga melalui pembangunan nilai empati, keprihatinan, dan semangat tanggungjawab sosial dalam kalangan warga universiti.

Dalam konteks ini, para pensyarah memainkan peranan utama sebagai peneraju dan pemudahcara kepada pelaksanaan inisiatif komuniti berasaskan kepakaran (*knowledge-based community engagement*). Melalui bimbingan dan kepakaran akademik, pensyarah dapat menterjemahkan hasil penyelidikan, pengalaman profesional, serta ilmu pengetahuan kepada penyelesaian praktikal yang memberi manfaat sebenar kepada komuniti. Penglibatan pelajar dalam projek ini pula memperkukuh proses pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) dan membentuk mereka sebagai individu yang berdaya tahan, kreatif, dan prihatin terhadap keperluan masyarakat.

Selaras dengan Polisi Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UM), libatsama komuniti ditakrifkan sebagai “penglibatan aktif dan bermakna di dalam dan luar universiti merentasi peringkat nasional dan antarabangsa dengan tujuan untuk bertukar-tukar pengetahuan dan membolehkan pembelajaran untuk manfaat masyarakat”. Pendekatan ini menggalakkan perkongsian dua hala antara universiti dan komuniti dalam usaha mencapai pembangunan sosial yang mampan.

Penubuhan Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya atau singkatannya UMCares (*UM Community Engagement Centre*) sejak 2008 sebagai pusat sehati bagi inisiatif komuniti membuktikan komitmen universiti dalam memperkukuh tanggungjawab sosial dan agenda kemampanan. Dipacu oleh nilai teras keterlibatan, inklusiviti, dan keberkesanan impak, UMCares berperanan memperkasa pensyarah dan fakulti untuk menerajui projek komuniti berimpak tinggi yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara.

BAHAGIAN 2: PROGRAM CITRA AKADEMIK UNTUK KOMUNITI DAN ALAM (CAKnA)

2.1 Pengenalan

Program Citra Akademik untuk Komuniti dan Alam (CAKnA) merupakan inisiatif khas Universiti Malaya (UM) yang bertujuan untuk menggalakkan kerjasama dinamik antara warga komuniti UM yang berfokus di Pusat Tanggungjawab (PTj) akademik melibatkan staf akademik, staf bukan akademik (pentadbiran), dan pelajar. Program ini dibangunkan bagi menangani isu atau cabaran yang semasa sama ada di dalam kampus mahupun dalam kalangan masyarakat setempat melalui pendekatan kolaboratif, inovatif, dan berimpak tinggi.

Keunikan program ini terletak pada pendekatannya yang holistik, di mana warga PTj akademik bersama-sama mengenal pasti masalah, merancang strategi penyelesaian, melaksanakan inisiatif yang relevan, serta melaporkan hasil dan impak pelaksanaan di peringkat universiti. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuhkan semangat berpasukan dan kepimpinan, tetapi turut menggalakkan pertukaran idea, memperkasakan warga kampus sekali gus menghasilkan penyelesaian yang lebih kreatif, efektif dan lestari.

Program CAKnA memberi manfaat seperti berikut;

1. **Meningkatkan kesedaran sosial:** Membolehkan warga PTj memahami isu sebenar yang dihadapi oleh komuniti dan berperanan aktif dalam mencari penyelesaian berasaskan ilmu.
2. **Mengukuhkan hubungan dalaman PTj:** Mewujudkan hubungan kerja yang lebih erat, harmoni dan produktif melalui kerjasama yang terjalin antara warga PTj.
3. **Memperkasa kepimpinan dan inovasi:** Memberi peluang kepada warga PTj untuk mengasah kemahiran kepimpinan, komunikasi dan pemikiran inovatif dalam menangani cabaran kompleks.
4. **Memberi impak kepada masyarakat:** Memberikan manfaat nyata dan lestari kepada masyarakat, selaras dengan hasrat UM untuk menyumbang kepada pembangunan sosial, ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

2.2 Objektif Program

Objektif Program CAKnA adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan 80% kadar pelaporan program/ projek komuniti UM bagi memastikan hasil pelaksanaan direkod, dinilai dan dikongsi secara sistematik di peringkat universiti;
2. Meningkatkan 80% penglibatan PTj dalam melaksanakan inisiatif yang menangani isu/ masalah komuniti secara berkesan;
3. Mengintegrasikan pembelajaran secara langsung (*experiential learning*) dengan pengalaman kehidupan sebenar bagi memperkukuh proses pembelajaran pelajar dan memupuk kemahiran insaniah;
4. Menyediakan platform bagi pelajar, staf akademik dan staf bukan akademik untuk menyumbang ilmu, kepakaran dan pengalaman mereka dalam memberi impak positif kepada komuniti; dan
5. Menggalakkan kerjasama strategik antara universiti dan komuniti ke arah memperkasa pembangunan sosial, ekonomi, dan alam sekitar secara mampan.

2.3 Skop Program

Program ini merangkumi bidang-bidang tumpuan seperti yang disenaraikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025, Bidang Tumpuan Komuniti UM dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seperti berikut;

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi)

10 Lonjakan PPPM (PT)

- Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang
- Kecemerlangan Bakat
- Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat
- Graduan TVET Berkualiti
- Kemampanan Kewangan
- Pemantapan Tadbir urus
- Ekosistem Inovasi
- Keunggulan Global
- Pembelajaran dalam Talian Tahap Global
- Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi

Bidang Tumpuan Komuniti UM

- Kesihatan & Kesejahteraan
- Pendidikan Berkualiti

- Kewangan & Ekonomi
- Kelestarian Alam Sekitar

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)

- SDG 1 : No Poverty (Tiada Kemiskinan)
- SDG 2 : Zero Hunger (Kelaparan Sifar)
- SDG 3 : Good Health and Well-Being (Kesihatan dan Kesejahteraan Yang Baik)
- SDG 4 : Quality Education (Pendidikan Berkualiti)
- SDG 5 : Gender Equality (Kesamarataan Gender)
- SDG 6 : Clean Water and Sanitation (Kebersihan Air dan Sanitasi)
- SDG 7 : Affordable and Clean Energy (Tenaga yang Berpatutan dan Bersih)
- SDG 8 : Decent Work and Economic Growth (Pekerjaan Baik dan Kemajuan Ekonomi)
- SDG 9 : Industry, Innovation and Infrastructure (Industri, Inovasi dan Infrastruktur)
- SDG 10 : Reduced Inequalities (Mengurangkan Ketidaksamarataan)
- SDG 11 : Sustainable Cities and Communities (Bandar dan Komuniti Mampan)
- SDG 12 : Responsible Consumption and Production) (Penggunaan dan Penghasilan yang bertanggungjawab)
- SDG 13 : Climate Change (Tindakan Iklim)
- SDG 14 : Life Below Water (Kehidupan di dalam Air)
- SDG 15 : Life On Land (Kehidupan di atas Darat)
- SDG 16 : Peace, Justice and Strong Institutions (Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh)
- SDG 17 : Partnerships for the Goals (Rakan Kerjasama untuk Matlamat)

2.4 Kriteria Program

- 2.4.1 **PENYERTAAN:** Program CAKnA terbuka kepada Pensyarah Universiti Malaya sebagai Ketua Projek:
- Pensyarah (Pensyarah Kanan/ Profesor Madya/ Profesor) dengan status perjawatan tetap atau kontrak.
- 2.4.2 **KEPERLUAN:** Program yang dicadangkan hendaklah menangani isu sebenar dan relevan dalam komuniti setempat serta selari dengan bidang kepakaran ketua projek, dengan potensi menghasilkan impak positif.
- 2.4.3 **KERJASAMA:** Program ini hendaklah melibatkan penyertaan aktif warga PTj merangkumi staf akademik, staf bukan akademik (pentadbiran) dan pelajar, dengan penglibatan pelbagai disiplin bagi mencetuskan idea yang kreatif, inovatif dan berkesan.
- 2.4.4 **KEUNIKAN:** Program digalakkan menerapkan pendekatan baharu atau berbeza daripada inisiatif yang pernah dilaksanakan di PTj sebelum ini.
- 2.4.5 **IMPAK:** Program perlu menunjukkan hasil yang boleh diukur dari segi impak sosial, ekonomi dan/atau ekologi, serta memberi manfaat nyata kepada komuniti sasaran dan menyumbang kepada pembangunan mampan.
- 2.4.6 **LAPORAN:** Setiap program mesti didokumentasikan melalui laporan bertulis, video atau medium lain bagi tujuan rujukan dan perkongsian pengetahuan, dengan kejayaan dan pengalaman pelaksanaan disebarikan sebagai model amalan terbaik untuk PTj lain.
- 2.4.7 **NILAI:** Pemindahan ilmu, aktiviti, dan hasil program hendaklah selaras dengan nilai teras universiti, termasuk etika, integriti, tanggungjawab sosial, dan keterangkuman.
- 2.4.8 **KEMAMPANAN:** Program perlu mempunyai potensi untuk diteruskan, diperluas, atau dijadikan inspirasi kepada inisiatif lain, dan tidak bersifat sementara semata-mata.
- 2.4.9 **JANGKAUAN:** Penglibatan rakan pihak berkepentingan luar, termasuk agensi kerajaan, industri, NGO, dan media, amat digalakkan. Bukti kerjasama serta komitmen sumbangan (kewangan dan/atau bukan kewangan) perlu dikemukakan bersama permohonan.
- 2.4.10 **SOKONGAN KEWANGAN:** Jumlah **maksimum** pembiayaan bagi setiap projek adalah seperti berikut
- Bidang Sains dan teknologi - **RM20,000**.
 - Bidang bukan Sains dan teknologi - **RM 5,000 hingga RM 10,000**.
 - Projek yang dijalankan di borneo - **RM 30,000**
 - Pemohon digalakkan mendapatkan sumbangan tambahan dalam bentuk kewangan dan/atau bukan kewangan (*in-kind*) bagi menyokong pelaksanaan program.

2.4.12 **LOKASI:** Ketua projek boleh mengemukakan cadangan lokasi pelaksanaan projek di kawasan yang telah ditetapkan di pautan berikut.

Pautan: [Kawasan UMCares@222](#)

Nota: Walau bagaimanapun, cadangan tersebut adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan panel penilai serta pihak UMCares. Pihak UMCares juga berhak untuk mencadangkan lokasi pelaksanaan aktiviti projek yang bersesuaian, sekiranya perlu.

2.4.11 **TEMPOH:** Tempoh pelaksanaan program hendaklah **sekurang-kurangnya 12 bulan** bagi memastikan keberkesanan dan kesinambungan impak program.

2.5 Jangkaan Hasil

- 2.5.1 **Penerima Manfaat:** Projek mestilah memberi manfaat secara langsung kepada sekurang-kurangnya 100 orang penerima manfaat (*beneficiaries*).
- 2.5.2 **Impak:** Projek perlulah menunjukkan pencapaian sasaran impak jangka pendek dan jangka pertengahan semasa pelaporan kemajuan dan pelaporan akhir projek.
- 2.5.3 **Hebahan media:** Ketua Projek perlulah mempromosikan projek yang akan dijalankan atau yang telah dijalankan kepada media secara tradisional atau secara atas talian mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh Universiti Malaya
- 2.5.4 **Penarafan Bintang:** Projek mestilah sekurang-kurangnya mencapai penarafan tiga (3) bintang berdasarkan Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA), yang menunjukkan keupayaan dan kesediaan projek dalam mengubah pengetahuan, tingkah laku, kemahiran dan aspirasi masyarakat. Bukti pencapaian tersebut mestilah dikemukakan semasa pelaporan akhir program.

LAMPIRAN A: Penarafan Bintang Jaringan Komuniti

TARAF	DISKRIPSI	IMPAK	INDIKATOR
5 ★★★ ★★	Penghakupayaan	Kesejahteraan komuniti dan peningkatan kualiti persekitaran Kelestarian amalan inovasi Memperkasa amalan inovasi	Komuniti/peserta mengendalikan perubahan secara berdikari tanpa penglibatan institusi yang dinilai
4 ★★★ ★	Perubahan Amalan	Manfaat secara terus dari amalan inovasi seperti peningkatan kualiti dan pendapatan, pengurangan kos	Komuniti/peserta menggunakan inovasi dalam bidang usahanya
3 ★★★	Perubahan Pengetahuan, Sikap, Kemahiran dan Aspirasi (PSKA)	Program tindakan komuniti membawa peningkatan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi pada komuniti	Komuniti/peserta menunjukkan peningkatan pengetahuan, kemahiran serta perubahan sikap dan aspirasi *Bukti Pengukuran melalui hasil analisis dan lain-lain

<p>2 ★★</p>	<p>Sokongan dan Penglibatan</p>	<p>Komuniti membentuk kesedaran terhadap kepentingan tindakan komuniti Hubungan strategik komuniti/ organisasi</p>	<p>Institusi yang dinilai melaksanakan program bersama komuniti/peserta</p>
<p>1 ★</p>	<p>Jalinan Hubungan</p>	<p>Komuniti bertanggapan positif terhadap institusi yang dinilai dan program tindakan komuniti</p>	<p>Penguatan hubungan institusi yang dinilai - komuniti/peserta melalui kunjungan, lawatan, surat, email dan lain- lain</p>

- 2.5.5 **Mampan:** Projek mestilah mengemukakan bukti potensi untuk diperluas, diteruskan atau diaplikasikan sebagai sebahagian perancangan jangka panjang.
- 2.5.6 **Penerbitan Video:** Sekurang-kurangnya satu (1) video pendek berdurasi 1-3 minit dihasilkan bagi tujuan promosi dan publisiti setiap program. Selain itu, sekurang-kurangnya lima (5) gambar projek berkualiti tinggi beserta penerangan ringkas juga mesti dikemukakan.

2.6 Permohonan dan Penilaian

- 2.6.1 Permohonan dibuka tertakluk kepada kedudukan kewangan dan peruntukan sedia ada.
- 2.6.2 Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan mengikut format yang disediakan oleh UMCares.
- 2.6.3 Jumlah bantuan kewangan bagi setiap program adalah tertakluk kepada pertimbangan dan cadangan Jawatankuasa Penilai.
- 2.6.4 Ketua Projek perlu bersedia untuk membentangkan cadangan program kepada Jawatankuasa Penilai, sekiranya diperlukan.

2.7 Pemantauan dan Pelaporan

- 2.7.1 **Laporan Kemajuan** perlu dihantar kepada UMCares setiap enam (6) bulan selepas bantuan kewangan disalurkan (dalam bentuk geran projek komuniti).
- 2.7.2 **Laporan Akhir** perlu dihantar dalam tempoh satu (1) bulan selepas program tamat (dalam tahun semasa). Laporan ini mesti disertakan dengan sekurang-kurangnya lima (5) gambar projek berkualiti tinggi beserta penerangan (*caption*) ringkas.
- 2.7.3 Semua laporan perlu dihantar dalam bentuk salinan lembut (softcopy) melalui e-mel kepada UMCares di alamat umcares@um.edu.my pada tarikh yang akan ditetapkan.
- 2.7.4 **Pembentangan** secara fizikal / dalam talian atau melalui video hasil program di kalangan warga UM secara keseluruhannya perlu dilaksanakan bagi menggalakkan perkongsian amalan baik yang telah dilaksanakan.

BAHAGIAN 3: LAIN- LAIN

3.1 Pelanjutan Tempoh Program

Permohonan pelanjutan tempoh program boleh dipertimbangkan sekiranya masih terdapat aktiviti yang belum disempurnakan dalam tahun semasa.

Permohonan hendaklah dikemukakan secara rasmi kepada Pengarah UMCares dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh tamat program dalam tahun semasa. Ketua Projek perlu menyatakan justifikasi pelanjutan dan mengemukakan perancangan aktiviti bagi tempoh pelanjutan yang dipohon.

Permohonan pelanjutan tempoh program boleh dipohon **sekali sahaja** dan tertakluk kepada kelulusan Pengarah UMCares. Tempoh maksimum pelanjutan yang dibenarkan ialah **tiga (3) bulan** sahaja tertakluk kepada kelulusan pengarah UMCares.

3.2 Carta Alir Geran Komuniti UM

